

PELESTARIAN ADAT ISTIADAT MENYEMBAH KEMBALI BAUR DI NEGERI PERAK

*MUHAMAD ADHA ABD JALIL**

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
P153097@siswa.ukm.edu.my

ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
rosmahwati@ukm.edu.my

ZULISKANDAR BIN RAMLI

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
ziskandar@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Adat istiadat diraja merupakan warisan budaya tidak ketara yang membentuk identiti, legitimasi, dan kesinambungan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu. Negeri Perak, sebagai salah satu negeri beraja tertua di Malaysia, terus memelihara pelbagai adat yang diwarisi secara turun-temurun. Salah satu yang paling signifikan ialah Istiadat Menyembah Kembali Baur, iaitu upacara pemulangan keris kuasa oleh waris pembesar negeri kepada Raja Pemerintah sebagai simbol kesetiaan dan ketaatan terhadap takhta. Kajian ini bertujuan meneliti pelestarian tatacara dan falsafah yang mendasari istiadat tersebut sebagai warisan budaya tidak ketara, sekaligus menzahirkan hubungan simbolik antara kedaulatan raja dan kesetiaan pembesar negeri. Penyelidikan ini juga mengisi kekurangan dalam dokumentasi etnografi serta pemodelan pelestarian adat diraja, selain menawarkan perspektif baharu mengenai interaksi antara ritual kuasa dan kelestarian budaya dalam konteks pemerintahan Melayu kontemporari. Berlandaskan teori liminaliti Victor Turner dan antropologi interpretatif Clifford Geertz, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif etnografi melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian turut serta, dan analisis dokumen. Data dianalisis secara interpretatif menggunakan perisian NVivo untuk mengenal pasti tema dan pola simbolik. Dapatan menunjukkan bahawa istiadat ini berfungsi sebagai mekanisme legitimasi politik dan moral, manakala simbolisme peralatan seperti baur, keris iringan, dan syiling perak mencerminkan falsafah kosmologi beraja Melayu berasaskan konsep daulat dan taat setia. Kajian ini mencadangkan Model Pelestarian Istiadat Menyembah Kembali Baur berasaskan dokumentasi sistematik, pendidikan budaya komuniti, dan penginstitusian adat dalam dasar negeri, selaras dengan SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari (Target 11.4), bagi memelihara dan melindungi warisan budaya yang bernilai tinggi.

Kata kunci: Adat Istiadat Diraja; Kesultanan Perak; Baur; Bakal Sultan; Orang Besar Perak.

THE PRESERVATION OF THE *MENYEMBAH KEMBALI BAUR* CEREMONY IN THE STATE OF PERAK

ABSTRACT

Royal court customs represent intangible cultural heritage that shapes identity, legitimacy, and the continuity of Malay sultanate governance. Perak, as one of the oldest royal states in Malaysia, continues to preserve various hereditary customs. Among the most significant is the *Istiadat Menyembah Kembali Baur*, a ceremonial return of the power-keris by the heirs of state nobles to the Ruler, symbolizing loyalty and allegiance to the throne. This study aims to examine the preservation of the procedures and underlying philosophies of the ceremony as intangible cultural heritage, highlighting the symbolic relationship between royal sovereignty and noble loyalty. The research also addresses gaps in ethnographic documentation and preservation modeling of royal customs, offering a new perspective on the interaction between power rituals and cultural sustainability in the contemporary Malay governance context. Guided by Victor Turner's theory of liminality and Clifford Geertz's interpretive anthropology, the study employs a qualitative ethnographic approach through semi-structured interviews, participant observation, and document analysis. Data were interpreted using NVivo software to identify symbolic themes and patterns. Findings indicate that the ceremony functions as a mechanism of political and moral legitimacy, while the symbolism embedded in ceremonial items such as the *baur*, accompanying kris, and silver coins reflects Malay royal cosmology based on the concepts of sovereignty and loyalty. The study proposes a Preservation Model for the *Istiadat Menyembah Kembali Baur* based on systematic documentation, community cultural education, and institutionalization of customs in state policy, aligned with SDG 11: Sustainable Cities and Communities (Target 11.4), to safeguard and protect high-value cultural heritage.

Keywords: Royal Customs; Perak Sultanate; Baur; Heir Apparent; Perak Major Chiefs.

PENGENALAN

Adat istiadat merupakan elemen fundamental dalam sistem budaya masyarakat Melayu yang diwarisi secara turun-temurun serta berfungsi sebagai cerminan ketinggian tamadun dan manifestasi nilai, kepercayaan serta falsafah hidup yang membentuk jati diri kolektif. Sebagaimana yang dihuraikan oleh Zaharah Mahmud (2008) dan Mohd Taib Osman (1989), adat tidak sekadar difahami sebagai ritual atau protokol semata-mata, sebaliknya berperanan sebagai mekanisme kawalan sosial yang menzahirkan hubungan mendalam antara manusia dengan kuasa, alam serta dimensi ketuhanan. Dalam konteks sistem beraja di Negeri Perak, adat istiadat berfungsi sebagai wadah yang mengabsahkan kedudukan institusi kesultanan serta memperkukuh hubungan simbiosis antara Raja dan rakyat. Hal ini dapat diperhatikan melalui kewujudan pelbagai adat istiadat diraja yang sarat dengan simbolisme, protokol dan makna budaya yang kompleks.

Salah satu istiadat yang signifikan dalam tradisi Kesultanan Perak ialah Istiadat Menyembah Kembali Baur, iaitu suatu upacara yang dilaksanakan dalam konteks tertentu bagi menstrukturkan semula hubungan sosial serta hierarki kesetiaan dalam institusi diraja. Dari perspektif antropologi budaya, pelaksanaan istiadat ini boleh ditafsirkan melalui kerangka teori liminaliti yang dikemukakan oleh Victor

Turner (1969), yang menjelaskan upacara tradisional sebagai satu bentuk *rite of passage* atau ritus peralihan. Dalam konteks ini, Istiadat Menyembah Kembali Baur berfungsi sebagai mekanisme simbolik yang menandakan peralihan keadaan sosial dan politik, khususnya selepas berlakunya peristiwa penting seperti pelantikan pemerintah atau kemangkatan Sultan. Melalui proses ritual tersebut, hubungan kesetiaan antara pembesar, kerabat diraja dan Raja Pemerintah diperbaharui, sekali gus menegaskan konsep daulat dalam sistem pemerintahan Melayu seperti yang dihuraikan oleh Mohd Affandi Hassan (2007).

Walau bagaimanapun, kajian terhadap Istiadat Menyembah Kembali Baur masih berada pada tahap yang sangat terhad. Permasalahan utama yang dikenal pasti ialah ketiadaan dokumentasi yang standard dan komprehensif mengenai sejarah, tatacara serta falsafah di sebalik pelaksanaan istiadat ini. Tinjauan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu, seperti yang dihasilkan oleh Jelani Harun (2011), Adib Tung Abdullah (1999) dan Ayob Hashim (2000), lebih tertumpu kepada perbincangan umum mengenai sejarah kesultanan, adat istiadat Melayu atau Istiadat Menjunjung Duli. Keadaan ini menyebabkan wujudnya kelompongan ilmu yang ketara berkaitan perincian khusus Istiadat Menyembah Kembali Baur, khususnya dari sudut struktur ritual, peranan aktor istiadat serta makna simbolik yang terkandung dalam setiap elemen pelaksanaannya.

Ketiadaan rujukan autoritatif dan dokumentasi yang sistematik turut memberi implikasi terhadap pelaksanaan istiadat tersebut. Pemerhatian awal menunjukkan bahawa terdapat ketidakselarasan dalam pemahaman serta pengaplikasian protokol antara satu pelaksanaan istiadat dengan yang lain, sekali gus berpotensi menjejaskan ketepatan adat yang diwarisi. Dalam konteks ini, usaha pendokumentasian dan analisis akademik terhadap Istiadat Menyembah Kembali Baur menjadi sangat penting, bukan sahaja bagi memperkukuh sumber rujukan ilmiah, tetapi juga bagi memastikan kelangsungan dan keaslian warisan adat istiadat diraja terus terpelihara secara sistematik.

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kelompongan ilmu tersebut dengan meneliti secara komprehensif sejarah, struktur pelaksanaan serta makna simbolik Istiadat Menyembah Kembali Baur dalam tradisi Kesultanan Perak. Usaha ini juga merupakan satu langkah penting dalam memelihara memori kolektif masyarakat Melayu serta memastikan warisan budaya tidak ketara ini terus difahami dan dipraktikkan secara tepat dalam konteks kontemporari.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama, iaitu: mendokumentasikan sejarah Istiadat Menyembah Kembali Baur yang diamalkan di Negeri Perak; menganalisis tertib pelaksanaan, peralatan serta falsafah yang terlibat dalam Istiadat Menyembah Kembali Baur di Negeri Perak; dan membentuk Model Pelestarian Istiadat Menyembah Kembali Baur sebagai kerangka konseptual bagi memastikan kesinambungan dan pemeliharaan adat istiadat tersebut dalam institusi kesultanan.

SOROTAN LITERATUR

Manuskrip *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* berdiri sebagai dokumen primer yang paling autoritatif dalam menelusuri struktur sosiopolitik dan sistem nilai Kesultanan Perak. Jelani Harun (2011) menegaskan bahawa naskhah ini merupakan rujukan fundamental yang mendokumentasikan kesinambungan tradisi daripada Kesultanan Melayu Melaka. Kepentingan naskhah ini bukan sekadar terletak pada rakaman sejarahnya, tetapi pada fungsinya sebagai kodifikasi aturan pemerintahan yang menentukan hierarki dan legitimasi kuasa. Malah, manuskrip ini memperlihatkan dimensi simbolisme yang mendalam, khususnya dalam aspek persalinan istiadat. Dalam kerangka budaya Melayu, pakaian bukan sekadar elemen estetik,

sebaliknya bertindak sebagai manifestasi visual terhadap martabat, kuasa, dan kedudukan individu dalam struktur sosial istana.


Ketuntasan maklumat dalam manuskrip ini didorong oleh kredibiliti para penyusunnya yang terdiri daripada elit pemerintah dan pembesar negeri. Dihasilkan pada era Sultan Iskandar Shah (1918–1938) atas inisiatif Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja, Mohd Noordin, proses dokumentasi ini melibatkan tokoh-tokoh berwibawa seperti Raja Bendahara Yussuf dan Raja Kechil Sulong Harun Al-Rashid. Dari perspektif historiografi, penglibatan langsung "orang dalam" istana ini menjamin ketepatan maklumat mengenai protokol dan rahsia adat yang sukar diakses oleh pihak luar. Perlu diperhatikan bahawa naskhah ini merupakan kesinambungan daripada usaha sistematik Wan Abdul Karim bin Wan Abdul Hamid melalui *Tawarikh Raja dan Adat Istiadat Zaman Purbakala Negeri Perak Darul Ridzuan (1934)*. Hal ini membuktikan bahawa tradisi pendokumentasian adat di Perak telah melalui proses penapisan dan pemurnian yang teliti sebelum ia dikanonkan sebagai rujukan rasmi.

Analisis sarjana kontemporari seperti Jelani Harun (2011) memberikan dimensi baharu dalam memahami teks ini, di mana beliau melihat teks adat bukan sebagai entiti yang statik, tetapi sebagai wahana pelestarian identiti yang dinamik. Beliau berhujah bahawa sebarang variasi atau perubahan dalam teks merupakan bentuk adaptasi strategik terhadap tuntutan politik semasa tanpa menggugat akar tradisi. Premis ini diperkukuhkan lagi oleh dapatan Adib Tung Abdullah (1999) dan Ayop Hashim (2000) yang mensintesis maklumat daripada manuskrip tersebut untuk menghuraikan silsilah dan protokol istana secara terperinci. Integrasi kajian mereka menunjukkan bahawa manuskrip ini bertindak sebagai jambatan intelektual yang menghubungkan dokumentasi klasik dengan keperluan rujukan moden, sekaligus memastikan relevansi institusi beraja dalam arus pemodenan.

Kajian yang lebih spesifik oleh Muhamad Adha Abd Jalil, Mohd Rosli Saludin, dan Ros Mahwati Ahmad Zakaria (2021) memfokuskan kepada kod persalinan sebagai simbol martabat bagi pembesar Perak antara tahun 1935 hingga 2021. Mereka menghujahkan bahawa sistem persalinan yang digariskan dalam manuskrip ini adalah instrumen pengesahan (legitimasi) terhadap pelantikan dan autoriti seseorang pembesar. Pematuhan kepada kod pakaian ini bukan sekadar urusan protokol, tetapi merupakan manifestasi ketaatan kepada sistem pewarisan dan penghormatan terhadap struktur kuasa yang tersusun. Secara tuntasnya, sorotan literatur ini merumuskan bahawa Manuskrip *Adat Lembaga* bukan sahaja berfungsi sebagai penjaga memori kolektif bangsa, tetapi juga sebagai dokumen hidup yang terus membentuk jati diri, kedaulatan, dan mekanisme pelaksanaan kuasa dalam institusi beraja di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi pemerhatian lapangan, temu bual mendalam, kajian perpustakaan dan analisis dokumen sejarah dan adat istiadat Negeri Perak. Dengan penggunaan kaedah kualitatif ia adalah satu pendekatan yang paling sesuai digunakan dalam bidang warisan untuk mengumpul data. Menurut Burn, R.B. (1995), Merriem (1998) dan Yin (1995) penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Sesuatu kajian kes harus memberi tumpuan kepada topik dengan kriteria atau ciri khusus untuk penyelidikan. Ini bermakna kajian kes terutamanya melihat individu atau peristiwa dalam konteks budaya dan persekitaran mereka (Burn, R.B, 1995). Kajian ini menggunakan pelbagai sumber data (pemerhatian, rakaman, temubual, pita audio dan pita video (Massey, 1998). Manakala menurut Hammersley (1998), walaupun data didapati pelbagai sumber, pemerhatian dan perbualan yang tidak formal akan menjadi sumber utama.



RAJAH 1. Kerangka Konseptual Kajian Pelestarian tatacara dan Falsafah Adat Istiadat Menyembah Kembali Baur di Negeri Perak (Turner, V., 1969)

KERANGKA TEORI

Kajian ini berasaskan dua kerangka teori utama yang saling melengkapi dalam meneliti dimensi tatacara dan falsafah Adat Istiadat *Menyembah Kembali Baur* di Negeri Perak.

Pertama, Teori Ritus dan Liminaliti oleh *Victor Turner* digunakan untuk meneliti struktur simbolik dan proses peralihan yang wujud dalam pelaksanaan adat istiadat diraja. Melalui teori ini, pengkaji menelusuri tiga fasa utama yang mencirikan sesuatu ritus peralihan, iaitu *pemisahan* peralihan atau *liminaliti (transition/liminality)*, dan penyatuan semula (*reincorporation*). Fasa-fasa ini memberikan kefahaman tentang bagaimana istiadat berfungsi sebagai medium transformasi sosial dan spiritual yang meneguhkan hubungan antara raja dan rakyat. Konsep *communitas* yang diketengahkan Turner turut membantu menjelaskan wujudnya suasana kesatuan dan kesetiaan kolektif dalam kalangan peserta istiadat, di mana setiap individu berada dalam keadaan simbolik yang seimbang antara struktur dan kesamarataan rohani.

Kedua, kajian ini mengaplikasikan Pendekatan Antropologi Interpretatif oleh *Clifford Geertz*, khususnya melalui konsep budaya sebagai teks (*culture as text*). Pendekatan ini menekankan bahawa budaya perlu dibaca, difahami, dan ditafsirkan seperti sebuah teks yang sarat makna simbolik. Dalam konteks ini, adat istiadat diraja dilihat sebagai wacana budaya yang mengandungi naratif kuasa, legitimasi, dan kesetiaan yang diterjemahkan melalui simbol, perlakuan, ujaran, dan objek upacara. Teori Geertz membolehkan pengkaji memahami bahawa setiap tindakan dan elemen dalam istiadat membawa makna yang lebih dalam bukan sekadar ritual zahir, tetapi manifestasi falsafah dan pandangan hidup masyarakat Melayu terhadap konsep *daulat, kesetiaan, dan keterhubungan spiritual* antara manusia dan kekuasaan

ilahi.

Kedua-dua teori ini memberikan asas konseptual yang kukuh untuk memahami adat istiadat diraja bukan hanya sebagai tradisi budaya, tetapi sebagai sistem simbol dan ritus sosial yang memperlihatkan keseimbangan antara aspek lahiriah dan batiniah. Penggabungan kedua-duanya membolehkan analisis dilakukan secara menyeluruh Turner membantu menjelaskan struktur dan dinamika ritual, manakala Geertz membimbing penafsiran makna dan simbolisme yang mendasari pelaksanaannya. Oleh itu, kerangka teori ini berperanan penting dalam memberi panduan kepada kajian untuk meneliti, mentafsir, dan melestarikan warisan budaya tak ketara yang unik dalam konteks Kesultanan Negeri Perak. Kedua-dua teori saling melengkapi: Turner membantu menjelaskan struktur dan dinamika sosial upacara, manakala Geertz mengupas makna dan falsafah simbolik adat.

JADUAL 1. Sistesis Teori Ritual Victor Turner dan Teori Antropologi Interpretif Clifford Geertz dalam kajian Pelestarian Adat Istiadat Menyembah Kembali Baur di Negeri Perak (Turner, V. (1969)

Aspek	Victor Turner	Clifford Geertz
Fokus	Struktur dan proses ritus.	Tafsiran budaya dan makna simbolik.
Kekuatan	Meneliti dinamika sosial dan fasa perubahan.	Menyelami makna dalam budaya dan simbol.
Relevansi dalam Kajian	Memahami peringkat dalam upacara dan kesannya kepada struktur masyarakat.	Mendedahkan falsafah dan nilai budaya yang tersembunyi di sebalik amalan.

Pemilihan gabungan teori Victor Turner (Teori Ritus) dan Clifford Geertz (Antropologi Interpretif) dalam kajian ini adalah berasaskan kesesuaian kedua-dua pendekatan dalam memahami adat istiadat *Menyembah Kembali Baur* dari sudut struktur ritual dan penafsiran makna budaya yang mendalam.

Pertama, Teori Ritus oleh Victor Turner menyediakan kerangka konseptual yang memungkinkan kajian menelusuri struktur sosial yang dibentuk dan diperkukuhkan melalui pelaksanaan adat ini. Melalui konsep seperti *liminaliti*, *communitas*, dan *peralihan status*, teori ini membolehkan pengkaji meneliti bagaimana adat berperanan sebagai alat penstrukturan semula hubungan sosial antara rakyat dan institusi diraja dalam masyarakat Melayu Perak.

Kedua, Teori Antropologi Interpretif oleh Clifford Geertz menambah dimensi interpretatif terhadap kajian ini. Dengan menganggap budaya sebagai teks yang perlu ditafsir melalui kaedah *thick description*, Geertz mengarahkan tumpuan kepada simbolisme, nilai-nilai budaya, serta makna falsafah yang tersembunyi di sebalik perbuatan adat. Hal ini penting dalam konteks adat Melayu yang kaya dengan elemen simbolik dan lapisan makna yang tidak dapat difahami melalui pengamatan lahiriah semata-mata.

Ketiga, pemilihan kedua-dua teori ini secara sinergi menyokong matlamat utama kajian, iaitu pelestarian adat istiadat. Pelestarian di sini bukan hanya bersifat fizikal atau bentuk luaran, tetapi juga merangkumi pemeliharaan “tersirat” dan makna asal adat. Teori Turner membantu dalam memahami struktur dan fungsi sosial adat, manakala teori Geertz memperkukuh pemahaman terhadap falsafah dan simbolisme budaya yang diwarisi dalam tradisi ini.

Gabungan teori ini secara menyeluruh memberikan keupayaan analisis terhadap adat *Menyembah Kembali Baur* sebagai manifestasi nilai, kuasa, identiti, dan kesinambungan warisan budaya Melayu Perak dalam konteks masa kini.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Istiadat Menyembah Kembali Baur merupakan salah satu adat istiadat diraja yang unik dan signifikan

dalam institusi Kesultanan Perak Darul Ridzuan. Istiadat ini bukan sekadar upacara formal, tetapi merupakan manifestasi simbolik yang menegaskan kedaulatan Raja Pemerintah serta memastikan kesinambungan struktur hierarki pangkat dan gelaran dalam sistem pemerintahan tradisional negeri tersebut. Dalam konteks budaya politik Melayu, pelaksanaan istiadat ini berfungsi sebagai mekanisme ritual yang memperbaharui hubungan kesetiaan antara pembesar negeri dengan Raja Pemerintah, sekali gus menzahirkan konsep daulat dan taat setia yang menjadi teras legitimasi institusi kesultanan.

Bagi memahami makna, struktur dan fungsi istiadat ini secara komprehensif, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan reka bentuk etnografi. Pengumpulan data dilaksanakan melalui temu bual separa berstruktur dengan informan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan langsung berkaitan pelaksanaan adat istiadat diraja, di samping pemerhatian turut serta terhadap unsur-unsur ritual serta analisis dokumen sejarah dan protokol istiadat. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis secara interpretatif dengan bantuan perisian NVivo bagi mengenal pasti tema, pola simbolik dan hubungan makna yang terkandung dalam struktur istiadat tersebut.

Berdasarkan pendekatan metodologi ini, analisis kajian memberi tumpuan kepada tiga dimensi utama, iaitu mendokumentasikan sejarah dan perkembangan Istiadat Menyembah Kembali Baur, meneliti tertib pelaksanaan serta simbolisme peralatan yang digunakan dalam istiadat tersebut, dan menghuraikan falsafah budaya yang mendasari pelaksanaannya. Melalui analisis ini, kajian turut mencadangkan satu model pelestarian istiadat yang bersifat pragmatik sebagai kerangka konseptual bagi memastikan warisan adat diraja ini terus dipelihara, difahami dan dipraktikkan secara sistematik agar kekal relevan dalam konteks masyarakat kontemporari.

SEJARAH ISTIADAT MENYEMBAH KEMBALI BAUR YANG DIAMALKAN DI NEGERI PERAK

Dalam kerangka sejarah negeri-negeri Melayu beraja di Malaysia, Kesultanan Perak merupakan antara entiti pemerintahan tertua yang diasaskan pada awal abad ke-16. Terdapat perbezaan pandangan mengenai tahun penubuhannya; sesetengah sumber menyatakan 1528, manakala kajian Raja Kobat Salehuddin Raja Musa melalui karya *Kedatangan Teras Pertuanan Negeri Perak* menegaskan 1531 berdasarkan analisis faktor sejarah dan adat istiadat. Walau bagaimanapun, pengasas Kesultanan Perak diakui berasal daripada kedatangan Raja Muda Melaka, Raja Muda Muzaffar, yang menubuhkan institusi pemerintahan berasaskan warisan Kesultanan Melayu Melaka. Kedatangan Raja Muda Muzaffar bukan sahaja menubuhkan sebuah entiti politik baharu, tetapi juga memindahkan sistem adat, budaya, dan pentadbiran dari Melaka ke Perak, mewujudkan kesinambungan budaya dan institusi yang kukuh. Kajian Jelani Harun (2011) menegaskan bahawa sebahagian undang-undang dan adat istiadat Kesultanan Perak merupakan lanjutan daripada tradisi Kesultanan Melaka, menjadikan struktur pemerintahan Perak berakar umbi dalam warisan Melaka.

Dalam konteks ini, simbolisme dan fungsi “Baur” — keris kuasa yang menjadi elemen utama Istiadat Menyembah Kembali Baur — dapat ditelusuri melalui naratif sejarah Kesultanan Melaka. Salah satu peristiwa penting ialah kisah hukuman bunuh ke atas Laksamana Hang Tuah oleh Sultan Mansur Shah, sebagaimana direkodkan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Peristiwa ini menawarkan gambaran praktikal tentang penggunaan keris sebagai simbol kuasa dan legitimasi dalam institusi politik Melayu tradisional.

Menurut Kassim Ahmad (1966, hlm. 289–290), titah Sultan Mansur Shah menunjukkan proses perlucutan dan penganugerahan keris pendek Laksamana yang menjadi simbol status dan kuasa:

“Hai Bendahara, segera buang Si-Tuah itu! Kita tahu akan mati-nya atas Bendahara”

“Sahaya Dato' di-titahkan Duli Yang Di-Pertuan minta keris pandak yang di-pakai oleh Laksamana itu...

Kassim Ahmad, M. A. (pngr.) (1966: 289)

Sudah itu maka keris itu pun di-berikan Bendahara pada bentara kedua. Maka Bentara Tun Jebat, Tun Kasturi pun bermohon-lah pada Bendahara dan Laksamana. Maka di-bawa-nya keris itu mengadap raja. Maka titah raja (Sultan Mansur Shah), “Mana-tah keris itu? Maka sembah Hang Jebat, “Daulat tuanku,” maka keris itu pun di-persembahkan-nya. Maka titah raja, “Pakai-lah keris itu, Tun Jebat.” Maka di-dengar Hang Jebat titah demikian itu, maka ia pun terlalu sukachita sebab beroleh keris itu, dalam hati-nya: ‘Aku pula rupa-nya menjadi Laksamana.’

Kassim Ahmad, M. A. (pngr.) (1966: 290)

Peristiwa ini menunjukkan bahawa penganugerahan keris bukan sekadar upacara formal, tetapi sarat dengan makna simbolik yang menegaskan kedudukan kuasa, pengesahan gelaran, dan legitimasi moral. Keris sebagai alat kebesaran berfungsi sebagai simbol kesetiaan, ketaatan, dan pengiktirafan kedudukan dalam hierarki pemerintahan tradisional Melayu.

Dengan mengambil kira kesinambungan sejarah dari Kesultanan Melaka ke Perak, Istiadat Menyembah Kembali Baur di Perak berperanan sebagai mekanisme ritual yang menstrukturkan semula hubungan kuasa dan kesetiaan antara Raja dan pembesar negeri. Pelaksanaan istiadat ini bukan sahaja menghidupkan warisan budaya, tetapi juga mengekalkan nilai-nilai tradisi, simbolisme politik, dan falsafah pemerintahan berasaskan konsep daulat Melayu. Analisis ini menyediakan asas penting bagi kajian selanjutnya mengenai struktur, tertib, dan falsafah Istiadat Menyembah Kembali Baur, termasuk usaha membentuk model pelestarian yang sistematik dan relevan dengan konteks kontemporari.

Sistem Kesultanan Negeri Perak

Sistem Kesultanan Negeri Perak merujuk kepada kerangka pemerintahan beraja tradisional yang berpusat kepada Sultan sebagai Ketua Negeri. Keunikan utama sistem ini terletak pada aturan pewarisan takhta yang melalui hierarki gelaran dan sistem pembesar empat lipatan, yang menstrukturkan kedudukan, kuasa, dan tanggungjawab dalam pentadbiran negeri. Menurut fasal XXV Undang-Undang Tubuh Negeri Perak, Raja Pemerintah adalah sumber segala kemuliaan; semua gelaran, pangkat, pingat dan darjat hanya boleh dikurniakan oleh Raja Pemerintah sendiri selepas mendapat persetujuan Dewan Negara Perak.

Dalam konteks pelantikan Orang Besar Negeri Perak, sistem ini membahagikan jawatan kepada kategori berasaskan keturunan dan bukan keturunan. Jawatan Orang Besar Negeri yang berasaskan keturunan merangkumi Orang Besar Empat dan Orang Besar Lapan, manakala jawatan yang tidak berasaskan keturunan pula melibatkan Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua. Seperti yang dihuraikan oleh Ayob Hashim (2024), lantikan bagi Orang Besar Enam Belas dan Tiga Puluh Dua terbuka kepada rakyat Perak yang memenuhi kriteria tertentu, termasuk keperibadian, pendidikan, dan pengetahuan luas dalam hal ehwal adat istiadat dan pentadbiran istana. Sistem ini memastikan bahawa individu yang dilantik bukan sahaja memenuhi aspek formal, tetapi juga memiliki kefahaman mendalam terhadap nilai dan tradisi diraja.



RAJAH 2. Peta Negeri Perak yang menunjukkan Jajahan Perak yang mempunyai sebagai Orang Besar Jajahan
Sumber: SUK Perak

Perbandingan Istiadat Menyembah Kembali Baur dahulu (1947) dan kini (2024)

Istiadat Menyembah Kembali Baur pada masa kini lazimnya diadakan pada hari yang sama dengan Istiadat Menjunjung Duli. Namun, sejarah menunjukkan bahawa kedua-dua istiadat ini asalnya adalah acara yang berasingan. Sebagai contoh, dalam era pemerintahan Paduka Seri Sultan Abdul Aziz al-Mu'tassim Bi'llah Shah (Paduka Seri Sultan Perak ke-31: 1938–1948), penyerahan Baur oleh Bakal Sultan dan Orang Besar dilakukan secara berdikari sebelum Istiadat Menjunjung Duli dijalankan.

Menurut laporan akhbar *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* bertarikh 8 Mac 1939, Istiadat Menyembah Kembali Baur dilakukan oleh Raja Muda Yussuff Izzuddin ibni al-Marhum Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Mukhataram Shah, yang sebelum ini menyandang gelaran Raja Bendahara Perak. Dalam upacara tersebut, beliau menyerahkan Baurnya kepada Raja Pemerintah Perak. Begitu juga, Raja Di Hilir Perak, Raja Idris Shah ibni al-Marhum Sultan Iskandar Shah, turut menyerahkan keris pangkatnya sebagai simbol penyerahan kuasa dan kesetiaan. Laporan tersebut menyatakan:

The final phase of the ceremony saw the Raja Muda, accompanied by heralds, ceremoniously hand up to the Sultan the Kris he wore as Raja Benda-hara. Also, the 15-years-old present Raja Bendahara returned the long sword of office of Raja Di-Hilir the title he held during Sultan Iskandar's reign. Tomorrow morning, the Raja Muda will be

invested with the sword of this present office and the Raja Bendahara will receive his Kris.


Selain itu, laporan akhbar *Malaya Tribune* bertarikh 26 November 1947 memaparkan Istiadat Menyembah Kembali Baur oleh waris Che Wan bin Muhammad Yusuf (1905–1947) bagi jawatan Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja:

Datoh Muda di Raja escorted by Datoh Panglima Kanan and Kiri, accompanied by three relatives of the late Datoh Panglima Kinta and carrying the late Datoh's sceptre, a sword, handed it to His Highness. His Highness inspected it and after this took possession of other of the late Datoh's heirlooms.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa, dahulu, setiap individu yang menyandang jawatan diraja menyerahkan Baurnya secara khusus kepada Raja Pemerintah sebagai simbol pengesahan kuasa dan kesetiaan. Dewasa ini, walaupun Istiadat Menyembah Kembali Baur dijalankan berdekatan dengan Istiadat Menjunjung Duli, fungsinya tetap mengekalkan makna tradisi: pengiktirafan hierarki, legitimasi kuasa, dan kesinambungan adat istiadat yang diwarisi daripada Kesultanan Melaka. Analisis sejarah ini membolehkan peneliti memahami transformasi ritual dan simbolisme Baur dari perspektif kontinuiti budaya dan penyesuaian terhadap konteks kontemporari.

MENGANALISIS TERTIB, PERALATAN DAN FALSAFAH YANG TERLIBAT DALAM ISTIADAT MENYEMBAH KEMBALI BAUR DI NEGERI PERAK

Analisis tertib, peralatan, dan falsafah yang terlibat dalam Istiadat Menyembah Kembali Baur penting untuk memahami fungsi, makna, dan kesinambungan adat diraja dalam sistem Kesultanan Perak. Tertib istiadat mencerminkan struktur hierarki, disiplin adab, dan nilai penghormatan yang menjadi asas hubungan antara rakyat, pembesar, dan Raja. Sementara itu, peralatan seperti Baur dan keris iringan menzahirkan simbolisme kuasa, legitimasi politik, dan tanggungjawab formal, manakala falsafah di sebalik ritual menegaskan kesinambungan tradisi dan konsep daulat Melayu.



RAJAH 3. Proses dalam Istiadat Penyembahan Kembali Baur di negeri Perak
Sumber: Kajian Lapangan, 2024

Proses Istiadat Menyembah Kembali Baur di Negeri Perak

Proses Istiadat Menyembah Kembali Baur di Negeri Perak memerlukan keteraturan yang jitu dan teliti demi memastikan ia dapat disempurnakan dengan penuh tertib. Oleh yang demikian, istiadat ini dibahagikan kepada tiga fasa strategik, iaitu: (1) Fasa Persediaan, (2) Fasa Kesiapsiagaan, dan (3) Fasa Pelaksanaan, seperti yang dihuraikan dalam perenggan berikut.

Fasa persediaan

Fasa ini melibatkan proses komunikasi rasmi dan penetapan jadual oleh pihak istana. Setelah Jawatankuasa Kecil Istiadat Menjunjung Duli bermesyuarat dan memutuskan penganjuran Istiadat Menjunjung Duli Orang Besar Negeri (atau Bakal Sultan), Istana akan menghubungi Waris Orang Besar Negeri melalui Setiausaha Dewan Negara Perak. Tujuan utama komunikasi ini adalah untuk meminta waris mencari dan menyediakan Baur untuk dipulangkan kembali kepada Raja Pemerintah. Seterusnya, Ketua Adat Istiadat akan memberikan taklimat terperinci kepada waris yang terlibat sebaik sahaja Paduka Seri Sultan berkenan untuk mengadakan istiadat tersebut. Contoh waris yang terlibat ialah pemegang jawatan Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja, yang merupakan sebahagian daripada Orang Besar Lapan Perak.

Fasa kesiapsiagaan

Fasa Kesiapsiagaan melibatkan persediaan fizikal dan mental oleh pihak waris Orang Besar Negeri. Waris diwajibkan menyediakan segala keperluan yang ditetapkan, termasuklah mengenal pasti tiga waris lelaki yang akan membawa Baur ketika menghadap, lazimnya diketuai oleh anak sulung waris. Persediaan pakaian untuk majlis juga kritikal, iaitu baju Melayu berwarna hitam berkain sampin benang emas tanpa berkeris, namun diiringi dengan keris apip atau iringan. Kemuncak fasa ini adalah apabila Waris Orang Besar Negeri menghadiri sesi raptai khas untuk melatih tertib menghadap dan menyembah kembali Baur kepada Paduka Seri Sultan Perak.

Fasa pelaksanaan

Fasa Pelaksanaan merupakan kemuncak istiadat yang berlangsung di Istana Iskandariah. Rombongan diwajibkan menghadirkan diri seawal pagi, membawa bersama Baur dan keris iringan. Setelah tiba, rombongan akan ditempatkan di bilik khas (Bilik Nobat) untuk menerima taklimat akhir daripada Setiausaha Dewan Negara Perak yang juga merangkap Ketua Adat Istiadat. Pada masa yang sama, rombongan perempuan dan tetamu lain mengambil tempat yang ditetapkan di dalam Balairong Seri. Sebelum majlis bermula, rombongan akan melakukan latihan akhir tertib menghadap sambil diperhatikan oleh Setiausaha Dewan Negara Perak. Apabila tiba masanya, pengerusi majlis akan memanggil sebut "Istiadat Menyembah Kembali Baur," dan rombongan akan bergerak masuk ke Balairong Seri dari luar dengan langkah kanan, melalui pintu kiri ke tengah laluan khas yang telah ditetapkan.



RAJAH 4. Tertib Pakaian ketika Istiadat Menyembah Kembali Baur Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Di-Raja oleh waris Dato' Seri Abdullah Fadzil Che Wan pada 9 November 2024
Sumber: Kajian Lapangan, 2024

Baur Sebagai Lambang Kuasa

Di Negeri Perak terdapat empat belas bilah Baur, dikategorikan kepada dua kelompok utama: Bakal Sultan dan Orang Besar Negeri. Pemegangnya merangkumi Raja Muda dan Raja Di Hilir di bawah Bakal Sultan, manakala Orang Besar Empat dan Lapan berada di bawah kategori Orang Besar Negeri. Baur dipulangkan kepada Sultan apabila pemegang sebelumnya mangkat, bagi dikurniakan semula kepada penyandang baharu.

Menurut Pejabat Sultan Perak, Baur Orang Besar Negeri berfungsi sebagai lambang kuasa dan pengiktirafan rasmi kedudukan pemegang gelaran semasa Istiadat Menjunjung Duli. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan Baur sebagai sejenis pedang kebesaran; Ayob Hashim (1991) pula menyatakan Baur adalah keris panjang bermata pendek yang hanya dikurniakan kepada Bakal Sultan dan Orang Besar Negeri. Dalam tradisi, Baur turut dikenali sebagai "bawar" dalam bahasa Orang Asli, bermaksud pegawai istana (Raja Kobat Salehuddin Raja Musa, 2018).



RAJAH 5. Baur milik Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja
Sumber: Kajian Lapangan (2024) & Adib Tung Abdullah (2025)

Sejarah turut mencatatkan penggunaan Baur sebagai simbol kuasa, termasuk dalam pentadbiran Raja Bendahara Alang Iskandar ibni Raja Kechil Tengah Ahmad (1857–1865). Semasa kutipan hasil negeri di Kuala Teja, Baur dibawa oleh pegawai yang ditugaskan sebagai tanda kuasa raja (R.J. Wilkinson, 1923).

Menurut Adib Tung Abdullah (2024), Baur Panglima Kinta pada asalnya keris panjang yang diselit di bawah sampung, namun selepas Perjanjian Pangkor 1874, ia dikatakan diubah menyerupai baton sebagai simbol pangkat mengikuti pegawai British. Walau bagaimanapun, sumber rasmi Perak 939.1900 menyatakan Baur jenis panjang ini telah dimiliki Raja Muda Abdullah sejak 1865, sebelum Perjanjian Pangkor dimeterai, dan dikenali sebagai Keris Alang dengan hulu berbentuk tapak kuda (Raja Kamar Azhar ibn Almarhum Raja Muda Ahmed Siffudin, 2024).

Baur bukan sekadar peralatan ritual, tetapi juga lambang kuasa, legitimasi, dan kesinambungan adat. Penyerahannya menegaskan falsafah Melayu mengenai hubungan hierarki, kesetiaan, dan tanggungjawab dalam sistem pemerintahan beraja. Melalui ritual ini, setiap individu yang menyandang gelaran diiktiraf secara rasmi, manakala struktur simbolik dan nilai moral dalam sistem Kesultanan Perak dipelihara secara berterusan.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa Istiadat Menyembah Kembali Baur merupakan adat istiadat diraja yang berperanan penting dalam institusi Kesultanan Perak Darul Ridzuan, bukan sekadar sebagai upacara istana, tetapi sebagai mekanisme simbolik yang menstrukturkan hubungan hierarki antara Raja Pemerintah dan pembesar negeri serta mengukuhkan legitimasi institusi diraja.

Dari perspektif sejarah dan antropologi politik, adat ini berakar daripada tradisi Kesultanan Melayu Melaka dan diwarisi dalam sistem pemerintahan Kesultanan Perak. Alat kebesaran seperti Baur melambangkan kuasa yang dikurniakan oleh Raja Pemerintah, sementara ritual pengembaliannya

menegaskan bahawa kuasa tersebut bersifat amanah, berpunca daripada kedaulatan raja, dan perlu dipatuhi oleh setiap pemegang gelaran.

Berdasarkan dapatan daripada pemerhatian lapangan, temu bual mendalam, dan analisis dokumen sejarah, kajian ini berjaya mendokumentasikan sejarah, tertib pelaksanaan, serta falsafah di sebalik istiadat tersebut. Ia menunjukkan bahawa Istiadat Menyembah Kembali Baur bukan sahaja sebagai warisan sejarah, tetapi juga berfungsi sebagai sistem budaya yang memupuk identiti sosial dan menyokong kesinambungan institusi diraja.

Kajian ini turut mencadangkan satu model konseptual pelestarian yang menekankan elemen dokumentasi ilmiah, pewarisan pengetahuan adat, penginstitusian, dan pemasyarakatan warisan. Pendekatan ini memastikan adat istiadat diraja dapat dipelihara sebagai warisan budaya tidak ketara yang penting. Usaha pelestarian ini juga selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 11.4, yang menekankan kepentingan memelihara dan melindungi warisan budaya sebagai asas pembinaan komuniti yang beridentiti dan lestari.

RUJUKAN

- Abdul Wahab Mohd Nordin. 1987. *Istiadat dan peraturan menyembah kembali baur dan menjunjung duli serta istiadat penganugerahan darjah kebesaran Negeri Perak*. Ipoh: Jabatan Percetakan Negara.
- Adib Tung Abdullah. 1999. *Panduan Raja-Raja dan orang-orang besar di Negeri Perak*. Ipoh: Compass Life Sdn. Bhd.
- Ayob Hashim. 1991. *Istiadat dan peraturan menyembah kembali baur dan menjunjung duli serta istiadat penganugerahan darjah kebesaran Negeri Perak*. Ipoh: Jabatan Percetakan Negara.
- Ayop Hashim. 2000. *Adat istiadat diraja Negeri Perak Darul Ridzuan*. Ipoh: Perak.
- Burn, R. B. 1995. *Introduction to research methods*. Melbourne: Longman.
- Geertz, C. 1973. *The interpretation of cultures: Selected essays*. New York: Basic Books.
- Jelani Harun. 2011a. Asal-usul raja, negeri dan adat istiadat Kesultanan Perak: Beberapa variasi dalam pengekal dan penyimpangan sumber tradisi. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 29(1), 3–35.
- Jelani Harun. 2011b. *Umpama sebuah bahtera: Kajian naskhah Melayu sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Arkib Negara Malaysia.
- Kamus Dewan. 2005. *Kamus Dewan* (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (Ed.). 1966. *Hikayat Hang Tuah* (Siri Sastera DBP Bil. 17). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education* (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Affandi Hassan. 2007. *Pendidikan estetika daripada perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1989. *Kebudayaan Melayu dalam perspektif sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Adha Abd Jalil. 2004. *Analisis sejarah, tatacara dan falsafah adat istiadat menjunjung duli di Negeri Selangor* (Tesis sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Adha Abd Jalil, Mohd Rosli Saludin, & Ros Mahwati Ahmad Zakaria. 2021. Menyelusuri persalinan sebagai simbol martabat dalam menggelar pembesar Melayu Perak, 1935–2021. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu 2021* (hlm. 634). Kajang: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Perak & Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. 2008. *Undang-undang tubuh Perak 1953*. Ipoh: Jabatan Percetakan Negara.
- R. J. Wilkinson. 1923. *Papers on Malay subjects*. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- Raja Harun Al Rashid et al. 1935. *Susunan yang pertama adat lembaga orang-orang Melayu di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan daripada zaman purbakala*. Taiping: Percetakan Tempatan.
- Raja Kobat Salehuddin Raja Musa. 2023. *Kedatangan teras pertuanan Negeri Perak*. Putrajaya: Astaka Merchu Alam Resources.
- Salma Yit. 1976. *Istiadat menjunjung duli di Negeri Perak* (Kajian ilmiah sarjana muda). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Turner, V. 1969. *The ritual process: Structure and anti-structure*. Chicago: Aldine Publishing.
- Zaharah Mahmud. 2008. *Adat dan budaya Melayu: Warisan yang kian terpinggir*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata penulis:

Muhamad Adha Abd Jalil merupakan calon Doktor Falsafah (PhD) di Institut Alam dan tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kajian Pelestarian Tatacara dan Falsafah Adat Istiadat Menyembah Kembali Baur di Negeri Perak.

Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Ph.D) merupakan Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dengan pengkhususan dalam seni dan budaya Islam di alam Melayu.

Zuliskandar Ramli (Ph.D) merupakan Felo Penyelidik Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau meliputi arkeologi dan kajian warisan, khususnya dalam prasejarah, protosejarah, arkeometri dan pemuliharaan warisan budaya.